

Nama : Kelas :



قَسَمٌ بِكَ عَنْ قَعِيدٍ إِذَا رَجَعْتَ إِلَى قَعِيدٍ
وَمَعَهُ كَرَامَاتٌ شَكُورٌ لِمَنْ عَابَدَهُ (عَبْدٌ بَيْنَ يَدَيْهِ)
يَا أَيُّهَا اسْلَامُ كَلْتَن



Prinsip Perakaunan
3756/1
Kertas 1
Ogos 2025
1 jam 15 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2025 M / 1447 H**

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Pilih satu jawapan sahaja.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

© 2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 PRINSIP PERAKAUNAN K1

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

1. Pemyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
 - B Pengauditan
 - C Perakaunan Kewangan
 - D Perakaunan Pengurusan
2. Antara berikut, yang manakah merupakan pengguna luaran Penyata Kewangan?
- I. Pembekal
 - II. Pihak bank
 - III. Pihak pengurusan
 - IV. Pemilik perniagaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV
3. Sebuah kenderaan yang dibeli dengan harga RM100 000 pada tahun 2022 masih lagi direkodkan sebagai RM100 000 dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 walaupun harga pasaran kenderaan tersebut telah susut kepada RM80 000.
Situasi di atas berkaitan dengan satu prinsip perakaunan iaitu
- A Entiti berasingan
 - B Prinsip Kos
 - C Ketekalan
 - D Wang sebagai Ukuran
4. Berikut merupakan ciri-ciri sebuah perniagaan milikan tunggal, kecuali
- A liabiliti tidak terhad
 - B dimiliki oleh seorang pemilik
 - C modal disumbangkan oleh pekongsi
 - D diuruskan oleh pemilik
5. Antara berikut, yang manakah hasil bukan operasi sesuatu perniagaan?
- A gaji
 - B dividen daripada pelaburan
 - C pendapatan daripada jualan barang niaga
 - D sewa

6. Apakah tujuan nota debit dikeluarkan?

- I Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dical dalam invois
- II Jumlah dalam invois berkurang nyata
- III Butiran tertinggal rekod dalam invois
- IV Komisen diberi kepada pembeli

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Pilih padanan yang betul bagi dokumen-dokumen berikut.

	Dokumen Sumber	Dokumen Bukan Sumber
A	Nota belian	Nota serahan
B	Nota kredit	Baucer Tunai Runcit
C	Sebut harga	Keratan cek
D	Invois	Penyata bank

8. Pernyataan berikut dikaitkan dengan sejenis dokumen.

Seorang pembeli telah membuat pembelian secara kredit.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota Kredit
- B Nota Debit
- C Invois
- D Memo

9. Pilih padanan fungsi Jurnal yang betul.

	Jurnal	Fungsi
A	Jurnal Am	Catatan pembukaan
B	Jurnal Pulangan Keluar	Merekodkan pulangan barang niaga daripada pembeli
C	Jurnal Pulangan Masuk	Merekodkan pulangan barang niaga kepada pembekal
D	Jurnal Belian	Merekodkan belian barang niaga secara tunai sahaja

10. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

- A Mengawal wang masuk dan keluar
- B Merekod perbelanjaan kecil
- C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
- D Mencatat bayaran bil-bil utiliti

11. Pilih padanan yang betul bagi baki akaun lejar berikut.

	Akaun	Baki
A	Perabot	Kredit
B	Akaun Belum Terima	Debit
C	Akaun Gaji	Kredit
D	Akaun Dividen	Debit

12. Enck Hakimi telah mengambil barang niaga bernilai RM500 untuk tujuan derma.

Apakah akaun yang akan didebitkan?

- A Derma
- B Belian
- C Akaun Belum Bayar
- D Kadar bayaran

13. Apakah tujuan penyediaan Imbangan Duga?

- A Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan
- B Menghitung untung bersih atau rugi bersih
- C Membuat anggaran perbelanjaan
- D Menghitung modal kerja

14. Inventori bagi sebuah kedai perabot ialah

- A pemutar skru
- B kayu dan besi
- C tukul besi
- D kerusi dan meja makan

15. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Widad Irdina Maju pada 31 Jun 2025.

	RM
Untung kasar	50 020
Dividen	250
Sewa	1500

Maklumat tambahan:

Sewa belum bayar berjumlah RM500

Hitung untung bersih Kedai Widad Irdina Maju.

- A RM48 770
- B RM51 270
- C RM49 270
- D RM48 270

Join SPM Study Group

<https://spmpaper.me/group>



16. Berikut merupakan ciri-ciri Format Akaun Perdagangan berbentuk 'T' kecuali
- Kos jualan direkodkan di bahagian debit
 - Belian direkodkan di bahagian kredit
 - Untung kasar direkodkan di bahagian kredit
 - Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit
- A I dan III
B II dan III
C II dan IV
D I dan IV
17. Antara berikut, butiran yang manakah akan memberikan kesan kepada modal kerja?
- A Faedah atas simpanan
B Sewa diterima
C Peruntukan hutang ragu
D Upah atas belian

18. Maklumat berikut diambil daripada buku Pemiagaan Tuan Zulhamizan.

	RM
Aset bukan semasa	40 000
Aset Semasa	10 980
Liabiliti bukan semasa	20 000
Liabiliti semasa	11 080

Berapakah ekuiti pemilik Pemiagaan Tuan Zulhamizan?

- A RM19 900
B RM10 560
C RM21 400
D RM25 560
19. Maklumat berikut diambil daripada buku pemiagaan Syarikat Ali Enterprise.

Jumlah pembayaran sewa bagi tahun 2024	RM5 500
Sewa belum bayar pada 1 Januari 2024	RM500
Sewa terlebih bayar pada 31 Disember 2024	RM750

Hitung jumlah sewa yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

- A RM4 250
B RM5 750
C RM6 750
D RM5 250

20. Berikut merupakan ciri-ciri bagi satu Akaun Nominal.

- Hasil yang sepatutnya diterima bagi tempoh perakaunan akan datang tetapi telah diterima dalam tempoh perakaunan semasa
- Direkodkan sebagai Liabiliti Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan

Apakah Akaun Nominal tersebut?

- A Belanja Belum Bayar
- B Belanja Prabayar
- C Hasil Belum Terperoleh
- D Hasil Belum Terima

21. Berikut merupakan beberapa kesilapan yang ditemui dalam buku perniagaan Armani Trading.

- I Belanja membaiki van pejabat RM1 055 tersilap rekod dalam Akaun Kenderaan
- II Dividen RM500 direkodkan di sebelah kredit dalam Akaun Dividen dan Bank
- III Bayaran bagi kadar bayaran RM1 500 telah direkodkan di sebelah debk Akaun Tunai dan kredit Akaun Kadar Bayaran
- IV Promosi RM605 direkodkan dengan betul dalam Akaun Bank tetapi direkodkan RM506 dalam Akaun Promosi

Kesilapan manakah yang tidak dapat dikesan di dalam Imbangan Duga?

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

22. Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.



Apakah M?

- A Kesilapan komisen
- B Kesilapan songsang
- C Kesilapan amaun
- D Kesilapan prinsip

23. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Minyak Yli Yuu Cap Barti Enterprise.

Tahun	2023	2024
Nisbah Semasa	3:2	3:5

Tafsirkan prestasi Syarikat bagi tahun 2024 berbanding 2023.

- A Meningkat terlalu tinggi
- B Meningkat ke tahap kecalan yang lebih baik
- C Menurun tetapi masih mampu membayar hutang
- D Menurun dan tidak mampu membayar hutang

24. Petikan Akaun Perdagangan berikut diambil daripada Kedai Rind bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

	RM	RM
Jualan		100 500
Tolak: Kos jualan		
Inventori awal	12 060	
Belan	<u>67 020</u>	
	79 070	
Tolak: Inventori akhir	<u>13 070</u>	
Kos jualan		<u>66 000</u>
Untung kasar		<u>34 500</u>

Hitung peratus untung kasar atas kos jualan.

- A 52.27%
 B 42.88%
 C 34.33%
 D 25.09%
25. Encik Aizam sedang mempertimbangkan sama ada mahu membuat pelaburan dalam Kentar Berhad atau Terbilang Berhad.
 Antara analisis Nisbah berikut, yang manakah dapat membantu beliau membuat Keputusan untuk melabur?
 A Pulangan Atas Modal
 B Margin Untung Bersih
 C Nisbah Semasa
 D Nisbah Ujian Asid
26. Maklumat berikut diperolehi daripada Pemiagaan Dhuha yang mengamalkan rekod tak lengkap.

	1 Jun 2024	31 Mei 2025
	RM	RM
Sewa prabayar	650	1 000
	Buku Tunai	
	RM	RM
	Sewa	5 250

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM3 600
 B RM4 900
 C RM5 600
 D RM6 900

27. Maklumat berikut menunjukkan pembelian lengkap oleh sebuah firma sepanjang tahun 2023.

Tarikh	RM
1 Januari 2023	2 800
30 Jun 2023	4 800
31 Disember 2023	5 800

Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A RM900
- B RM1 020
- C RM1 900
- D RM1 920

28. Berikut merupakan sebab-sebab rekod tak lengkap, kecuali

- A tidak mengamalkan sistem catatan beregu
- B rekod-rekod pemiagaan musnah atau hilang
- C tidak membuat catatan urus niaga
- D melakukan kesilapan ketika mencatat urus niaga

29. Maklumat berikut diperolehi daripada Pemiagaan Pelangi Senja.

Pemiagaan Pelangi Senja
Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM	RM
Modal Akhir		60 500
Tambah: X		3 000
		63 500
Tolak: Modal Awal	55 020	
Y	4 800	
		59 820
		3 680

	X	Y
A	Ambilan	Modal tambahan
B	Modal tambahan	Ambilan
C	Untung bersih	Ambilan
D	Modal tambahan	Rugi Bersih

30. Antara berikut, yang manakah fungsi penyata bank?

- I Mengetahui baki akhir Akaun Bank
- II Mengetahui jumlah yang dibayar dan diterima
- III Menyemak dan membandingkan catatan di buku tunai dengan penyata bank
- IV Memastikan perniagaan mempunyai tunai mencukupi

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D I, III dan IV


31. Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Syarikat Rahmat Megi.

Tarikh beli	: 1 Januari 2023
Mesin (Kos)	: RM8 500
Kadar susut nilai	: 10% setahun atas kos
Tarikh jual	: 31 Disember 2024
Harga jualan	: RM5 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

- A RM3 000
- B RM2 800
- C RM1 800
- D RM4 500

32. Rajah 1 menunjukkan maklumat yang terdapat dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.



Apakah Y?

- A Ambilan
- B Untung Kasar
- C Kongsi Untung
- D Faedah atas Pinjaman Pekongsi

33. Berikut merupakan kandungan kepada ikatan perkongsian, kecuali

- A Gaji pekongsi
- B Kongsi untung atau kongsi rugi
- C Faedah atas modal
- D Unjuran keuntungan perkongsian

34. Butiran Ekuiti Pemilik yang manakah terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian?
- A Modal Kerja
 - B Ambilan
 - C Akaun Modal
 - D Untung Bersih
35. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri syer keutamaan?
- I Dividen yang diterima adalah pada kadar peratusan yang tetap setiap tahun
 - II Mempunyai kuasa mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
 - III Berhak menerima dividen terlebih dahulu berbanding pemegang Syer Biasa
 - IV Pemegang Syer Keutamaan yang bersifat kumulatif tidak berhak menerima tunggakan dividen
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV
36. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri Syarikat Awam?
- I Penyata kewangan perlu diedar kepada pemegang syer
 - II Bilangan pemegang syer antara 1 hingga 50 orang
 - III Syer boleh dipindah milik secara bebas
 - IV Bilangan minimum pengarah ialah 2 orang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
37. Kelab Ragbi Bandar Tasik Utata telah memberikan maklumat di bawah.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2025			
	RM		RM
Elaun jurulatih	3 500	Yuran	9 500
Kadar bayaran	2 860		
X	3 140		
	<u>9 500</u>		<u>9 500</u>

Apakah X?

- A Kurangan
- B Baki h/b
- C Lebihan
- D Untung Kelab

38. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Kelab Cinta Bumi.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (petikan)

<u>Dana Terkumpul</u>	RM
Dana terkumpul awal	
Lebihan	14 584
Derma khas	3 350
	<u>2 000</u>
	<u>Y</u>

Berapakah nilai Y?

- A RM19 944
- B RM23 674
- C RM23 394
- D RM33 934

39. Manakah antara yang berikut merupakan komponen Kos Overhead?

- I Sewa kilang
- II Susut nilai Mesin
- III Royalti
- IV Kadar bayaran pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

40. Butiran yang manakah tidak dicatat dalam Akaun Pengeluaran?

- A Kos Bahan Langsung
- B Kos Jualan
- C Kos Pengeluaran
- D Kos Buruh Langsung

~KERTAS SOALAN TAMAT~